

**NO SOALAN : 45**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN CHUA TIAN CHANG  
@ TIAN CHUA  
(BATU)**

**TARIKH : 26.10.2015  
(ISNIN)**

**SOALAN:**

**Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan apakah status tentera Malaysia di Arab Saudi yang sepatutnya membantu rakyat Malaysia di Yaman. Adakah mereka masih lagi disana, jika ya, apakah tugas mereka. Apakah pendirian Kerajaan dalam isu pengeboman Arab Saudi terhadap Yaman.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Angkatan Tentera Malaysia (ATM) masih berada di Arab Saudi untuk melaksanakan misi tunggal bagi memudahkan (*facilitate*) evakuasi rakyat Malaysia yang berada di Yaman. ATM berada di Arab Saudi kerana negara tersebut mempunyai fasilitas dan kemudahan untuk menempatkan pesawat dan anggota yang boleh membantu di dalam misi evakuasi ini. Kerajaan Malaysia tetap dengan pendirian berkecuali dan tidak campur tangan mengenai isu pengeboman Arab Saudi terhadap Yaman.**